

**Panel Parlimen: Najib bertegas pilihan raya adil, tapi perlu terus baiki**  
**The Malaysian Insider**  
**Ogos 16, 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 16 Ogos - Datuk Seri Najib Razak, yang semalam mengumumkan langkah mahu membentuk jawatankuasa pilihan khas Parlimen, hari ini berkata, pilihan raya negara ini memang adil tetapi negara mesti berusaha untuk melakukan penambahbaikan ke atas sistem sedia ada.

"Pilihan raya selalunya diadakan dengan adil di Malaysia, tetapi kita mesti berusaha untuk penambahbaikan dan kecemerlangan," kata beliau (gambar) menerusi mesej Twitternya petang ini, kira-kira 24 jam selepas mengumumkan usaha terbaru itu.

"Semalam saya mengumumkan jawatankuasa pilihan khas Parlimen dwipartisan untuk membincangkan pembaharuan pilihan raya," kata beliau hari ini.

Pembangkang mendakwa sistem pilihan raya semasa mempunyai banyak kecacatan termasuk dakwaan terbaru membabitkan daftar pemilih.

Semalam, Najib mengumumkan penubuhan jawatankuasa pilihan khas Parlimen mengenai pembaharuan pilihan raya dalam masa terdekat bagi mengelakkan sebarang syak-wasangka wujudnya manipulasi oleh kerajaan.

Najib berkata panel itu yang akan dianggotai oleh anggota parti kerajaan dan pembangkang akan membincangkan apa yang perlu dilakukan untuk mendapatkan kata sepakat ke arah itu.

Pagi tadi timbalan Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga melahirkan pendirian yang sama dengan berkata pilihan raya negara ini bebas dan adil tetapi pembentukan jawatankuasa tersebut akan membantu mengemaskan sistem pilihan raya sedia ada.

Pelbagai pihak termasuk Pakatan Rakyat menyambut baik perkembangan ini.

Bagaimanapun Pakatan Rakyat meletakkan tujuh syarat bagi memastikan jawatankuasa itu benar-benar berkesan.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen BN dari Kota Belud Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, satu usul perlu dibentangkan di Parlimen untuk membentuk jawatankuasa pilihan khas yang dimaksudkan.

"Kedua-dua Whip BN dan Pakatan Rakyat akan mencalonkan wakil mereka," kata beliau menerusi Twitter.

Pemimpin Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan BN (BBCBN) ini menambah, perbincangan jawatankuasa pilihan khas itu akan direkodkan dan akan menjadi sebahagian daripada penyata persidangan Parlimen atau rekod awam yang rasmi.

"Prosiding-prosiding jawatankuasa pilihan khas dijalankan mengikut peraturan mesyuarat Parlimen dan memiliki imuniti, seperti dalam Dewan Rakyat," tambah beliau.

Terdahulu, Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, langkah membentuk jawatankuasa pilihan khas bagi membincangkan soal sistem pilihan

raya tidak perlu terlalu tergesa-gesa memandangkan Parlimen akan bersidang mulai awal Oktober ini.

Selain itu kata beliau, sudah tiada masa untuk mengadakan sidang khas Parlimen, sebagaimana diminta oleh Pakatan Rakyat, sebelum sambutan Aidilfitri kali ini.

“Tinggal lagi dua minggu lagi sebelum Aidilfitri, kita tiada masa,” kata beliau.

Malah kata Wan Junaidi, beliau tidak nampak “logik” sidang khas perlu diadakan sekarang memandangkan mengikut jadual asal, Parlimen akan bersidang mulai 3 Oktober.

Kerajan akan membentangkan Bajet 2012 pada 7 Oktober.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/panel-parlimen-najib-bertegas-pilihan-raya-adil-tapi-perlu-terus-baiki/>